



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 3 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LICENSING EXERCISE FOR FISHERMAN, NEWS, THE STAR (METRO NORTH) -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	3 TANGKAP IKAN DI LOKASI LARANGAN KENA TAHAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BANGKAI PENYU AGAR 150KG TERDAMPAR DI PANTAI PD, NEGARA, KOSMO -9	
4.	PENYU AGAR DIJUMPAI MATI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -13	
5.	NELAYAN VIETNAM RAKUS TANGKAP IKAN, NEGARA, KOSMO -7	
6.	PUKAT GADING ROSAKKAN HABITAT IKAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -7	
7.	GENGSTER DIUPAH JAGA BEKAS LOMBONG, SINAR HARIAN -1	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS)
8.	PENGUSAHA HARAM UPAH GENGSTER, BEKAS LOMBONG DICEROBOH, SINAR HARIAN -8	
9.	'KAMI DAH PENAT MENGADU', BEKAS LOMBONG DICEROBOH, SINAR HARIAN -9	
10.	WARTA KAWASAN LOMBONG, HENTIKAN MONOPOLI, BEKAS LOMBONG DICEROBOH, SINAR HARIAN -9	
11.	KERAJAAN TAK KOMPROMI PENEROKAAN BEKAS LOMBONG, BEKAS LOMBONG DICEROBOH, SINAR HARIAN -9	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Licensing exercise for fishermen		
MediaTitle	The Star (Metro North)		
Date	03 Aug 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	34,093
Page No	6	Readership	102,279
Language	English	ArticleSize	724 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,213
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,639



Coastal fishermen nationwide will be registered as part of an exercise by the Agriculture and Food Industry Ministry. - Filepic

Licensing exercise for fishermen

Move will allow government to channel aid and subsidy, says minister

THE Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi) will implement a nationwide whitening exercise on zone A (coastal category) fishermen to ensure that they are registered and have a valid licence.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Klumee said the effort was to facilitate channelling of appropriate aid, such as subsistence allowances and other government subsidies, to the group.

"The process will be conducted

soon not only in Terengganu but also other states because most of the fishermen have not registered. Some of them do have a licence but they are no longer active, hence the need for the whitening exercise.

"Through this effort, we will be able to obtain a comprehensive database system for zone A fishermen nationwide," he said after a recent visit to the Dungun Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) Complex in Dungun.

Meanwhile, state agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Dr Azman Ibrahim said the whitening process, which involves registering those not on the database to ensure they are licensed, would benefit almost 800 coastal fishermen in Terengganu.

"As the licence registration for coastal fishermen needs to be resolved immediately, a special committee has been set up to expedite the process," he said,

adding that applications for 800 fishermen have been submitted to the ministry.

Dr Azman, who is also state assemblyman for Jabal, said with the licence registration, indirectly there would be an increase in fish landings at Terengganu registered jetties.

"Previously the fish harvest was much higher but the actual amount of catch which landed at the unregistered jetties were not recorded," he added. --- Bernama

“With the licence registration, indirectly there would be an increase in fish landings at Terengganu registered jetties.”

Dr Azman Ibrahim

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

3 tangkap ikan di lokasi larangan kena tahan

Kota Kinabalu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan tiga lelaki termasuk seorang warga Indonesia yang disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukut tunda di muara Sungai Tuaran, pada jam 4 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Mohd Rosli Abdullah, berkata semua individu yang berusia antara 24 hingga 48 tahun ditahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen.


Beliau berkata, bot peronda maritim yang sedang menjalankan operasi Naga Timur dan operasi Sejahtera mendapat maklumat dan mengesan aktiviti menangkap ikan di lokasi yang tidak dibenarkan itu.

"Maritim Malaysia juga menahan bot yang digunakan dan membawanya ke jeti di Sepanggar. Ujian saringan COVID-19 juga akan dilakukan ke atas semua anggota maritim yang terbabit bersama kru bot nelayan oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi memastikan mereka bebas daripada virus itu," katanya, semalam.

Mohd Rosli berkata, langkah ke-

selamatan dan prosedur operasi standard dalam mengendalikan orang kena tahan harus dipatuhi semua anggota tanpa pengecualian.

Beliau turut mengingatkan komuniti maritim agar sentiasa mengutamakan keselamatan semasa melakukan aktiviti di laut dan sebarang aduan boleh disalurkan kepada Maritim Malaysia di talian 088-387774 atau MERS 999.

 **Bot peronda maritim yang sedang menjalankan operasi Naga Timur dan operasi Sejahtera telah mendapat maklumat dan mengesan aktiviti menangkap ikan di lokasi yang tidak dibenarkan itu.**

Mohd Rosli Abdullah,
Pengarah Maritim Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	KOSMO	NEGARA	9



BANGKAI penyu agar ditemui pengunjung di Port Dickson kelmarin.

Penyu

- Dikenali sebagai 'penyu hijau' kerana warna lemak dalam badannya.
- Boleh membesar sehingga lebih satu meter
- Berat mampu mencecah sehingga 270 kilogram
- Musim bertelur April hingga September
- Terdapat di Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

Bangkai penyu agar 150kg terdampar di pantai PD

PORT DICKSON – Pengunjung PD Waterfront di sini kelmarin menemui bangkai seekor penyu jenis agar jantan seberat 150 kilogram (kg) terdampar di tepi pantai di kawasan tersebut.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abd. Hanip berkata, penyu jantan itu dianggarkan berusia 40 tahun dan dipercayai mati kira-kira empat hingga lima hari lalu dengan cengerangnya pecah teruk.

"Pihak kami percaya penyu ini mati akibat terkena pukut atau terkena kipas bot.

"Bangkai haiwan itu kemudiannya diambil sebelum ditanam oleh pegawai Jabatan Perikanan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Penemuan reptilia itu adalah yang kedua di pantai di daerah ini pada tahun ini.

Pada 11 Mac lalu, seekor penyu agar seberat 100kg ditemui mati di persisiran pantai Teluk Kemang di sini.

Penyu jantan yang berusia lebih 40 tahun itu ditemui orang awam, namun tiada sebarang kesan cedera pada haiwan ber-

kenaan.

Reptilia itu dipercayai mati di tengah laut sebelum dihanyutkan ombak ke persisiran pantai.

Sementara itu, Halimi menyeru orang ramai untuk melaporkan penemuan penyu di pantai Port Dickson.

"Terdapat dua spesies penyu yang kerap mendarat di Port Dickson iaitu penyu agar dan karah.

"Orang ramai boleh melaporkan kepada Jabatan Perikanan jika menemuinya di sepanjang pantai Port Dickson," katanya.

3/8/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

13

Penyu agar dijumpai mati

PORT DICKSON: Bangkai seekor penyu spesies agar atau penyu hijau ditemukan terdampar di tepi pantai PD Waterfront dekat sini, kelmarin.

Ia merupakan yang kedua dilaporkan tahun ini selepas bangkai seekor penyu karah jantan ditemukan di Pantai Teluk Kemang, 11 Mac lalu.

Pengarah Perikanan negeri, Halimi Abd. Hanip berkata, bangkai penyu seberat 150 kilogram itu ditemukan orang awam sebelum menghubungi jabatan tersebut.

Katanya, penyu jantan itu dianggarkan berusia 40 tahun dan

dipercayai mati kira-kira empat atau lima hari lalu.

"Kami percaya penyu ini mati akibat pukut atau terkena kipas bot," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Halimi menjelaskan, terdapat dua spesies penyu yang berada di perairan Port Dickson iaitu penyu agar dan penyu karah dan haiwan tersebut turut menjadikan pantai daerah seperti di Tanjung Tuan sebagai tempat mendarat.

"Perairan Port Dickson sememangnya sudah lama menjadi kawasan rayau buat dua spesies

penyu ini. Malah bukan sesuatu yang tidak normal untuk bangkai penyu itu ditemukan di pantai PD Waterfront.

"Penyu biasa ditemukan di perairan berhampiran pekan Port Dickson malah pernah sebelum ini ada kes penyu tersangkut di kawasan Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar. Itu kawasan rayau tapi untuk bertelur penyu ini banyak mendarat di Teluk Kemang dan Tanjung Tuan," katanya.

Befiau menasihatkan orang ramai supaya melaporkan penemuan penyu mati atau cedera di sepanjang pantai Port Dickson.



BANGKAI penyu agar jantan yang ditemukan orang awam di tepi pantai PD Waterfront dekat Port Dickson, Negeri Sembilan, semalam. - GAMBAR JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN

3/8/2020

KOSMO

NEGARA

7

Nelayan Vietnam rakus tangkap ikan

Oleh MOHd. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Kerakusan nelayan Vietnam menceroboh perairan negara khususnya di Terengganu tidak berturutan biar pun memalaran pandemik Covid-19 sejak awal tahun ini.

Pengerah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Sudi Mohd. Ramli berkata, sebanyak 97 bot nelayan Vietnam telah dikesan memusnahkan piratiran negeri ini dipercayai untuk menangkap ikan secara haram sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Berita berikut, ia meliputi 69 bot nelayan Vietnam yang telah dikesir kapal penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) pada fasa-fasa awal PKP, manakala baki lapan buah bot pula dirabau dalam tempoh kurang dua minggu sejak 24 Jun lalu.

"Pada peringkat awal fasa PKP, APMM hanya mengambil tindakan mengusir (foot-bot) nelayan Vietnam) sebagai memahului prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Begitu pun, penambahan semula dengan SOP normal baru terpaksa dilakukan setelah eskit-capai pendedahan pengusiran tidak begitu berkesan dalam menanganai isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara," katanya kepada Kosmo di sini sebentar.

Muhammad Sudi berkata, sebelum ini, tindakan penguat kuasa nelayan Vietnam pada tempoh fasa awal PKP dilakukan dengan tindakan sedikit kerat bagi menunjukkan keseriusan penguat kuasa APMM.

"Jelas beliau, bot nelayan asing yang dikenal pasti menceroboh perairan negara akan ditahan sebelum peralatan menangkap ikan mereka dirosakkan agar mereka tidak boleh menangkap



NELAYAN-NELAYAN Vietnam yang berjaya ditahan ketika menangkap hasil laut secara haram di perairan Kuala Terengganu semasa PKP dan PKPP.



SUPRI membolehkan rampasan hasil laut yang dipercepat di berbagai negeri Vietnam secara haram di perairan negara.

MUHAMMAD SUFI

ikan lagi.

"Cara itu pada mulanya berkesan, namun tidak berapa lama kemudian memang ada nelayan asing lain pula yang masuk menangkap ikan secara haram," ujarnya.

Muhammad Sudi memberitahu, penguat kuasa APMM telah memulakan usaha melaksanakan pemantauan semula nelayan asing dengan normal sehari.

Jelas beliau, antara SOP normal baharu itu ialah, anggota penguat kuasa memaki pemantauan mata, serung tangan dan topi setiap mulut, sarung awal terhidap nelayan asing di dalam bot masing-masing dan ujian pengecutan Covid-19 oleh Kementerian-Kesehatan.

Dalam pada itu, Muhammad Sudi berkata, pemabasan isapan bot nelayan Vietnam itu melibatkan rampasan hampir RM5 juta meliputi bot, peralatan menangkap ikan, minyak diesel dan hasil laut.

Ujarnya, pemabasan nelayan Vietnam sehingga 4 Julai lalu juga merencat hampir 70 orang termasuk kesulka Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



MAT YASSIM

Pukat gading rosakkan habitat ikan negara

KUALA TERENGGANU - Pencerobohan nelayan Vietnam sudah menjadi 'buri dalam daging' terhadap perituk nasi nelayan tempatan di Pantai Timur termasuk Terengganu sejak sekian lama.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassin Mohamed berkata, sebelum ini dianggarkan RM6 bilion hasil laut dari perairan negara ini dicuri oleh nelayan warga asing pada setiap tahun.

"Nelayan tempatan bukan sahaja kehilangan sumber rezeki,

malah menghadapi ancaman daripada bot nelayan negara jiran ini yang segelintirnya dilengkapi dengan senjata api.

"Penggunaan pukat gading oleh nelayan Vietnam juga sedikit sebanyak memusnahkan habitat ikan di perairan negara," jelasnya.

Beliau berkata, pihaknya juga khuatir penggunaan pukat gading itu memberi kesan negatif kepada kelestarian sumber laut negara pada masa hadapan," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Sehubungan itu, Mat Yassin berkata, Penentu memberi sokongan padu terhadap langkah penguatkuasaan undang-undang maritim yang dilaksana Maritim Malaysia (APMM).

Beliau berkata, Ops Naga yang merupakan operasi bersepadu pelbagai agensi penguat kuasa termasuk APMM terbukti berkesan apabila berjaya menahan 183 bot dan lebih 1,600 nelayan Vietnam di sekitar perairan Pantai Timur sepanjang tahun lalu.

"Kalau boleh kami mahu Ops Naga ini diteruskan walaupun

diancam pandemik Covid-19 dengan pengamalan prosedur operasi standard normal baharu.

"Penentu juga setuju dengan cadangan APMM agar hukuman sebat dikenakan terhadap nelayan asing yang menceroboh perairan negara," katanya.

Mat Yassin berkata, hukuman keras itu bakal memberi mesej jelas kepada nelayan asing terhadap ketegasan pihak berkuasa tempatan untuk membendung isu pencerobohan perairan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	SINAR HARIAN		1



Nelayan darat di Sungai Galah, Perak Tengah kini berdepan dilemma untuk mencari rezeki berikutan peretakan kawasan bekas lombong yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab menyebabkan kawasan pencarian ikan semakin terhad.

GANGSTER DIUPAH JAGA BEKAS LOMBONG

LAPORAN KHAS



“ Saya sendiri pernah bergaduh malah dilampar oleh sekumpulan individu yang bertindak sebagai penjaga kawasan bekas lombong itu kerana mengatakan saya menceroboh kawasan mereka ”
- Nelayan darat, Nuul Azmi Mohamed Daud, 34

BERPULUH-PULUH bekas lombong di negeri Perak yang menjadi kawasan takungan air penting bagi tujuan pertanian dan perikanan darat kini telah diceroboh secara haram. Pencerobohan itu turut mengancam sumber pendapatan nelayan air tawar yang bergantung hidup mencari rezeki dengan menangkap ikan di kawasan itu. Malahan, pengusaha tapak lombong haram terbabit dikatakan semakin bermaharajalela dengan mengupah kumpulan

gangster untuk menjaga kawasan bekas lombong tersebut daripada dimasuki orang ramai. Mana-mana nelayan darat yang memasuki kawasan bekas lombong peneroka haram itu akan menerima amaran malah ada juga peralatan menangkap ikan dan bot nelayan yang hilang serta dirosakkan oleh individu yang tidak dikenal pasti.

LAPORAN DI MUKA 8 & 9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	SINAR HARIAN	BEKAS LOMBONG DICEROBOH	8

Pengusaha haram upah gengster

Kehidupan nelayan darat di Perak makin terhimpit apabila pengusaha haram monopoli bekas lombong

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH



NAJMAN



NURUL AZMI



ASYRAF

Berpuluh-puluh bekas lombong di negeri Perak diceroboh secara haram untuk tujuan pertanian dan penternakan sehingga mengancam sumber pendapatan nelayan air tawar yang bergantung hidup mencari rezeki dengan menangkap ikan di kawasan itu.

Lebih menyakitkan hati, pengusaha haram berkenaan ibarat kaduk naik junjung apabila semakin bermaharajalela dengan mengupah kumpulan gengster untuk menjaga kawasan bekas lombong tersebut daripada dimasuki orang ramai.

Di Perak, bekas lombong menjadi kawasan takungan air penting bagi perikanan darat. Jumlah pendaratan ikan air tawar di negeri ini yang kedua terbesar selepas sungai ialah di kawasan bekas lombong. Pada tahun 2018 sebanyak 337 tan metrik ikan didaratkan.

Tiga daerah utama yang mempunyai kawasan bekas lombong di Perak ialah Kampar, Batang Padang dan Perak Tengah.

Bagi seorang nelayan darat, Nurul Azmi Mohamed Daud, 34, pencerobohan haram kawasan bekas lombong bukanlah perkara baharu namun ia kini menjadi lebih serius sejak tahun lalu.

Katanya, di kawasan Sungai Galah di daerah Perak Tengah, daripada 20 bekas lombong yang ada di kawasan itu, hanya lima bekas lombong yang boleh digunakan dan selebihnya sudah di-



Laluan masuk utama ke sebuah kawasan bekas lombong turut dicencal bagi menghalang nelayan darat masuk ke kawasan itu untuk menangkap ikan.



duduki peneroka haram selain terdapat lombong yang dipenuhi tumbuhan parasit seperti keladi bunting.

Terdapat juga pengusaha haram sewenang-wenangnya memagar kawasan bekas lombong untuk dijadikan kawasan ternakan ikan sekali gus menafikan hak nelayan darat untuk menangkap ikan.

"Jika dahulu nelayan darat mampu mendapat pendapatan purata RM2,000 sebulan tetapi sekarang hanya dapat lebih kurang RM700 sebulan. Betapa susutnya pendapatan kami dis-



Seorang nelayan darat, Roslan Abdul Rahman, 57, menunjukkan hasil tangkapan ikan patin yang diperolehinya di sebuah bekas lombong dekat Ipoh.



Yang Dipertua Permatuan Nelayan Ikan Air Tawar (PENIAT), Selvi Nizam Mohamed Salleh (dua dari kiri) memberikan penerangan tentang lokasi bekas-bekas lombong yang digunakan nelayan darat kepada pegawai-pegawai daripada Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah.

babkan sumber ikan yang semakin berkurang akibat penerokaan haram kawasan bekas lombong.

"Dalam satu-satu masa, 15 hingga 20 nelayan darat akan turun ke kawasan bekas lombong ini mencari ikan. Apabila jumlah kawasan penangkapan terhadap ikan pun jadi kurang dan pendapatan jadi sedikit," katanya kepada wartawan *Sinar Harian* yang meninjau kawasan bekas lombong itu di sini baru-baru ini.

Katanya, bukan sahaja pendapatan nelayan semakin berkurangan, keselamatan nelayan darat juga terancam apabila kawasan-kawasan bekas lombong yang diteroka secara haram itu melibatkan kumpulan gengster.

Nurul Azmi berkata, manamana nelayan darat yang memasuki kawasan bekas lombong peneroka haram itu akan menerima amaran malah ada juga peralatan menangkap ikan dan bot yang hilang serta dirosakkan oleh individu yang tidak dikenal pasti.

"Saya sendiri pernah berge-duk malah ditampar oleh sekumpulan individu yang bertindak

sebagai penjaga kawasan itu kerana mengatakan saya menceroboh kawasan mereka," katanya.

Seorang lagi nelayan darat, Najman Ibrahim, 55, berkata, peneroka haram mengambil jalan mudah menguasai bekas-bekas lombong kerana tidak perlu mengeluarkan modal besar untuk menternak ikan air tawar.

Dia yang bekerja sebagai nelayan sejak tahun 1998 berkata, berdasarkan pengalamannya, setiap kawasan bekas lombong itu mampu menghasilkan kira-kira 40 tan ikan air tawar dalam satu-satu masa dan boleh dimanfaatkan oleh 30 hingga 40 nelayan darat.

Apabila peneroka haram menguasai lombong tersebut, mereka akan memperoleh hasil tangkapan dengan jumlah yang sama untuk beberapa individu sahaja.

"Kami melihat perkara ini bukan sahaja satu ancaman kepada nelayan darat tetapi kerugian kepada kerajaan negeri kerana peneroka haram tidak membayar sebarang hasil tetapi mengaut keuntungan sepenuhnya," kata beliau.

'Kami dah penat mengadu'

Nelayan darat di Perak terpaksa mengalah kerana diancam

IPOH

Selain kawasan Sungai Galah dalam daerah Perak Tengah, bekas-bekas lombong di sekitar Tuilang dalam daerah Kampar turut dirampas para peneroka haram bagi tujuan penternakan dan pertanian.

Keadaan itu menyebabkan ramai nelayan darat meninggalkan pekerjaan tersebut malah yang masih tinggal pula terpaksa berdepan dengan pelbagai ancaman.

Seorang nelayan darat, Su-

haimi Johari, 44, berkata, kebanyakan nelayan tertekan dan tidak mampu berdepan dengan keadaan. Mereka terpaksa akur dengan peneroka haram kawasan bekas lombong di sekitar Kampar.

Katanya, keadaan tersebut turut memaksa sebahagian nelayan men-ceroboh kawasan peneroka haram itu untuk mencari ikan tanpa menghiraukan risiko yang dihadapi.

"Kami sebenarnya sudah putus asa sebab setiap kali aduan dibuat tak ada penyelesaian. Memang kami pe-nat dan terus dipinggirkan. Kami mahu hak kami untuk mencari rezeki yang halal di-be-ri keutamaan.



SUHAIMI

"Semua bantuan yang diberikan kerajaan hanyalah bersifat sementara dan menyelesaikan masalah dalam jangka masa pendek. Apa yang paling penting adalah meneruskan pekerjaan sebagai nelayan darat," katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Menurut Suhaimi, di Kampar hanya terdapat satu kawasan bekas lombong yang diwartakan untuk tujuan perikanan darat.

Bagaimanapun, katanya, kawasan yang diwartakan itu adalah terlalu kecil isitu tidak sampai empat hektar sekali gus tidak mampu menampung keperluan nelayan-nelayan darat di sekitar Kampar.

Seorang lagi nelayan darat kawasan tersebut, Asyraf Abi-



Salah satu bekas lombong yang dipercayai telah diginger oleh peneroka haram bagi menghidang nelayan darat merampas ikan di kawasan Sungai Galah di Perak Tengah.

din, 31, berkata, isu pencerobohan kawasan bekas lombong pernah dibangkitkan sebelum ini dalam sesi dialog bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Tuilang Se-kah, Datuk Nolee Ashlim Mo-hammed Radzi pada tahun 2014.

Katanya, ketika itu sebuah Badan Berindak Kampung Ma-lim Nawar ditubuhkan untuk memperjuangkan isu-isu yang dihadapi oleh nelayan darat di situ.

Hasil daripada desakan itu, kerajaan negeri telah meluluskan empat kawasan bekas lom-bong untuk dijadikan sebagai perairan umum untuk nelayan darat di kawasan Kampar dan sekitarnya.

Namun, menurut Asyraf, lokasi yang diberikan kerajaan negeri terlahu jauh dan berada di kawasan perairan daerah lain dan hanya satu berada di dalam daerah Kampar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	SINAR HARIAN	BEKAS LOMBONG DICEROBOH	9

Warta kawasan lombong, hentikan monopoli

IPOH - Persatuan Nelayan Ikan Air Tawar (PENIAT) sudah mengemukakan aduan, bantahan dan cadangan kepada kerajaan negeri menerusi Jabatan Perikanan, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Exco Kerajaan Perak berhubung isu penceroohan bekas kawasan lombong di Perak.

Yang Dipertua PENIAT, Sairul Nizam Mohamad Salleh berkata, masalah yang dihadapi nelayan darat di Perak berada pada tahap kritikal yang memerlukan penyelesaian segera oleh kerajaan.

Jelasnya, sebelum ini PENIAT menjalin kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha menghapuskan keladi bunting yang menjejaskan nelayan darat di sekitar kawasan Sungai Galah.

Bagaimanapun, masalah itu masih belum dapat diatasi sepenuhnya dan nelayan darat terpaksa bergantung kepada bekas lombong sedia ada.

"Malangnya, nelayan darat berdepan pula de-



Nelayan darat di Perak memerlukan bantuan kerajaan untuk mewartakan kawasan bekas lombong sebagai kawasan perikanan darat untuk memudahkan mereka mencari rezeki tanpa gangguan pihak tertentu.

ngan masalah penerokaan haram dan menyukarkan mereka mencari rezeki.

"Golongan nelayan merupakan kumpulan yang perlu dibantu. Mereka bukan perlu diberikan bantuan kewangan atau peralatan tetapi pihak berkuasa perlu memudahkan mereka untuk bekerja menangkap ikan," katanya.

Sairul Nizam berkata, pada tahun 2017, pihaknya sudah menghantar cadangan pewartaan kawasan-kawasan bekas lombong untuk dijadikan kawasan perairan perikanan darat tetapi sehingga kini masih belum dapat direalisasikan.

Jelasnya, PENIAT melihat pewartaan itu penting kerana dengan cara itu sahaja masalah penerokaan haram dapat diatasi.

Melalui pewartaan itu, kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang kepada penceroboh haram dan membawa mereka ke muka pengadilan.

Selain itu juga, Sairul Nizam turut mengesyorkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak mewartakan beberapa kawasan bekas lombong sebagai kolam takungan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kampung Gajah, Pasir Salak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2020	SINAR HARIAN	BEKAS LOMBONG DICEROBOH	9

Kerajaan tak kompromi penerokaan bekas lombong

IPOH - Kerajaan Perak tidak akan berkompromi dengan mana-mana peneroka haram bekas lombong yang menjejaskan pendapatan nelayan darat.

Exco Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan negeri, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, pihaknya mengakui terdapat pihak

tertentu yang meneroka kawasan bekas lombong bagi tujuan ternakan itik dan ikan secara lepas bebas.

Katanya, keadaan itu menimbulkan konflik di antara nelayan darat dan pengusaha bekas lombong tersebut.

"Sehingga kini, seluas 160 hektar kolam bekas lombong milik kerajaan negeri telah dikenal pasti, kebanyakannya di daerah Kinta dan Kampar, untuk diwartakan sebagai perairan umum bagi tangkapan ikan nelayan darat.

"Kita akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk wakil rakyat di kawasan terbabit untuk menyelesaikan isu ini," katanya dalam temu bual eksklusif dengan *Sinar Harian* baru-baru ini.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 1,895 nelayan darat yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Perak manakala dianggarkan sebanyak 350 lagi nelayan darat tidak berdaftar dengan jabatan tersebut.

Dalam usaha menangani konflik antara nelayan darat dan pengusaha



ABDUL YUNUS

bekas lombong, Abdul Yunus berkata, pihaknya akan mengadakan lebih banyak program perjumpaan dan penerangan mengenai isu itu kepada golongan sasar supaya masalah tersebut dapat diselesaikan.

Katanya, tindakan tegas akan diambil ke atas peneroka haram melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada oleh pihak jabatan dan agensi berkaitan.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak mahu berlaku monopoli pihak-pihak tertentu sehingga menjejaskan golongan nelayan darat yang menjadi penyumbang kepada sektor perikanan negara.

- 1,895 nelayan darat di Perak berdaftar dengan Jabatan Perikanan
- 350 nelayan darat di Perak belum berdaftar dengan Jabatan Perikanan
- 160 hektar kawasan kolam bekas lombong dikenal pasti untuk diwartakan